

Empat lelaki Korea mengaku tidak bersalah kendali mesin perjudian


KUCHING: Empat lelaki Korea dibenarkan bebas dengan jaminan RM3,000 (didepositkan) selepas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan mengendalikan mesin perjudian berupa set komputer pada 7 Januari lalu.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali, Majistret Ling Hui Chuan dan Majistret Mason Jaro Lenya Barayan masing-masing menetapkan keempat-empat tertuduh, dua daripadanya berusia 27 tahun dan dua lagi 28 tahun, dibebaskan dengan dua penjamin tempatan.

Mahkamah juga memerintahkan kesemua tertuduh menyerahkan pasport kepada pihak pendakwaan, selain menetapkan pengurusan kes pada 5 Mac 2026.

Mengikut pertuduhan, setiap seorang tertuduh masing-masing didakwa mengendalikan mesin perjudian berupa set komputer di sebuah kompleks kondominium di Jalan Tun Datuk Patinggi Haji Ahmad Zaidi Aduce di sini sekitar jam 2 petang, 7 Januari 2026.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 4B(a)



PENDAKWAAN: Salah seorang tertuduh diiring anggota polis semasa berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching semalam.

— Gambar Mohd Faisal Ahmad.

Akta Rumah Judi Terbuka 1953 yang jika sabit kesalahan boleh didenda minimum RM10,000 dan maksimum RM100,000 untuk setiap mesin judi dirampas dan boleh dipenjara tidak melebihi lima tahun.

Pendakwaan dikendalikan secara berasingan oleh Tim-

balan Pendakwa Raya (DPP) Muhammad Aidil Akmal Sharidan, DPP Muhammad Afiq Safty Nor Kazly dan Pegawai Pendakwa Inspektor Nur Shafiq Nyaie Ilin.

Keempat-empat tertuduh diwakili peguam Yong Suk Hui.